

**DATA PRIVACY NOTIFICATION AND CONSENT  
(FOR INDIVIDUALS)**

**MALYSIAN PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010**

**1. Collection and Processing of Personal Data**

We hereby inform you that we, Caterpillar Financial Services Malaysia Sdn Bhd ("**Company**", "**we**", "**our**" or "**us**") as data user, as the term is defined in the Personal Data Protection Act 2010, have or will collect, record, hold, store, use, disclose and/or process (collectively referred to as "**Process**") for purposes of processing your application for financing and the provision of our financial services to you ("**Financing**"), one or all of the following categories and / or types of personal information about you from which you can be identified or identifiable from, including but not limited to:

- (a) master data: name, identity card number, date of birth, gender, citizenship, marital status, nationality, race, ethnic origin, identification card / passport details, qualifications, occupation, employer, former employer(s), photographs or other images, and voice recordings;
  - (b) contact details: home address, home phone number and mobile number, email address, work address, work number, details of guarantors, details of next of kin;
  - (c) compensation information: such as amount, currency, number of payments per year, bank account details, income tax file numbers, income range; details of applicable bonus, incentives and commission plans, types of loans applied for previously, credit ratings;
  - (d) any such information as we deem necessary or appropriate from time to time in connection with your commercial relationship with us.
- (collectively, "**Personal Data**").

To the extent that you voluntarily disclose to us any personal information whether or not coming within the definition of Personal Data above, of another individual, by such disclosure you confirm that you have obtained such individual's consent for the disclosure as well as the Processing of the same in accordance with the terms of this notification.

**2. Sources of Information**

Your Personal Data has and / or will be obtained from the information provided or submitted by you through our prescribed forms, publicly available or publicly accessible information, information obtained from banks, credit bureaus, and other credit reporting agencies, such other written or verbal communications or documents delivered to us prior to and during the course of our contractual or pre-contractual dealings with you.

**3. Purpose of Processing Personal Data**

You consent to your Personal Data being Processed by us for purposes of the Financing, including, but not limited to (i) the provision of our Financing services to you; (ii) preparation and entry into of hire purchase, lease, facility, loan or other agreements pertaining to the Financing or otherwise; (iii) customer relationship management or servicing procedures; (iv) those purposes specifically provided for in any particular service or product offered by us; (v) credit assessments, evaluations, and approvals and other background checks as we may determine to be necessary or appropriate; (vi) internal record keeping; (vii) collection of debts and / or loans from clients and customers; (viii) processing payments and/or refunds; (ix) repossession of equipment or assets; (x) marketing and client profiling activities in connection with our services and related Caterpillar product offerings; and (xi) research, benchmarking, and statistical analysis purposes.

**4. Storage and Security**

We store your Personal Data in hard and/or soft copy. Soft copy data is stored on, amongst others, the file server, e-mail server, cloud-based servers, mobile devices, personal computers, notebooks, tapes and compact disc. There are corporate security policies and procedures in place which among others confines access to your Personal Data to authorised personnel only on a need-to-know basis to the relevant departments including credit and operations, customer service, sales, risk management, corporate credit, marketing, product support, legal and administration departments of the Company. We may retain the Personal Data and that of other individuals that you provide to us for a reasonable period in accordance with our prevailing corporate policies and at all times subject to legal requirements.

**PEMBERITAHUAN DAN KEBENARAN PRIVASI DATA  
(UNTUK INDIVIDU)**

**AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA 2010**

**1. Pengumpulan dan Pemprosesan Data Peribadi**

Kami dengan ini memaklumkan anda bahawa kami, Caterpillar Financial Services Malaysia Sdn Bhd ("**Syarikat**" atau "**kami**") sebagai pengguna data, menurut definisi istilah tersebut dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, telah atau akan mengumpul, merekodkan, memegang, menyimpan, menggunakan, mendedahkan dan/atau memproses (dirujuk secara kolektif sebagai "**Memproses**") bagi tujuan pemprosesan permohonan anda bagi pembiayaan dan penyediaan perkhidmatan kewangan oleh kami kepada anda ("**Pembiayaan**"), satu atau semua kategori dan / atau jenis maklumat peribadi berikut tentang anda melalui mana anda anda boleh dikenalpasti atau dicam, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) data induk: nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, jantina, kewarganegaraan, status perkahwinan, bangsa, asal usul etnik, butir-butir kad pengenalan / pasport, kelayakan, pekerjaan, majikan, bekas majikan, gambar atau imej lain, dan rakaman suara;
  - (b) butir-butir hubungan: alamat rumah, nombor telefon rumah dan nombor telefon mudah alih, alamat e-mel, alamat tempat kerja, nombor telefon tempat kerja, butir-butir penjamin, butir-butir waris terdekat;
  - (c) maklumat pampasan: seperti jumlah, mata wang, bilangan pembayaran setahun, butir-butir akaun bank, nombor fail cukai pendapatan, julat pendapatan, butir-butir bonus, insentif dan pelan komisyen yang berkenaan, jenis pinjaman yang dipohon sebelum ini, penarafan kredit;
  - (d) sebarang maklumat yang kami anggap perlu atau sesuai dari semasa ke semasa berhubung dengan perhubungan perdagangan anda dengan kami.
- (secara kolektif, "**Data Peribadi**").

Setakat mana anda dengan sukarela mendedahkan kepada kami sebarang maklumat peribadi sama ada menurut definisi Data Peribadi di atas atau sebaliknya, tentang individu lain, melalui pendedahan tersebut anda mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran individu tersebut bagi pendedahan tersebut serta untuk Memprosesnya selaras dengan termaterna pemberitahuan ini.

**2. Sumber Maklumat**

Data Peribadi anda telah dan / atau akan diperolehi daripada maklumat yang diberikan atau diserahkan oleh anda melalui borang kami yang ditetapkan, maklumat yang tersedia secara umum atau yang boleh diperolehi secara umum, maklumat yang diperolehi daripada bank, biro kredit, dan agensi pelaporan kredit lain, sebarang komunikasi bertulis atau lisan lain atau dokumen yang diserahkan kepada kami semasa urusan kontrak atau prakontrak antara kami dan anda.

**3. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi**

Anda membenarkan Data Peribadi anda Diproses oleh kami bagi tujuan Pembiayaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) penyediaan perkhidmatan Pembiayaan oleh kami kepada anda; (ii) persediaan dan kemasukan ke dalam perjanjian sewa beli, pajakan, kemudahan, pinjaman atau perjanjian lain berhubung dengan Pembiayaan atau sebaliknya; (iii) prosedur pengurusan atau perkhidmatan perhubungan pelanggan; (iv) tujuan yang diperuntukkan dengan khusus dalam sebarang perkhidmatan atau produk tertentu yang ditawarkan oleh kami; (v) penilaian dan kelulusan kredit dan semakan latar belakang lain yang kami anggap perlu atau sesuai; (vi) penyimpanan rekod dalaman; (vii) pungutan hutang dan / atau pinjaman daripada klien dan pelanggan; (viii) memproses pembayaran dan/atau pemulangan wang; (ix) pemilikan semula ("repossession") peralatan atau aset; (x) aktiviti pemasaran dan pemprofilan pelanggan berhubung dengan perkhidmatan kami dan penawaran produk Caterpillar yang berkaitan; dan (xi) tujuan penyelidikan, penandaarasan, dan analisis statistik.

**4. Penyimpanan dan Keselamatan**

Kami menyimpan Data Peribadi anda dalam bentuk bercetak dan/atau elektronik. Data elektronik antara lainnya disimpan pada pelayan fail, pelayan e-mel, pelayan berasaskan awan, peranti mudah alih, komputer peribadi, komputer riba, pita dan cakera padat. Beberapa dasar dan prosedur keselamatan korporat diwujudkan untuk antara lainnya menghadkan akses kepada Data Peribadi anda kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja dan semata-mata atas dasar "perlu tahu" kepada jabatan yang relevan termasuk jabatan kredit dan operasi, perkhidmatan pelanggan, penjualan, pengurusan risiko, kredit korporat, pemasaran, sokongan produk, undang-undang dan pentadbiran Syarikat. Kami boleh menyimpan Data Peribadi dan data peribadi individu lain yang diberikan oleh anda kepada kami bagi tempoh yang munasabah selaras dengan dasar korporat semasa kami dan pada semua masa tertakluk kepada keperluan undang-undang.

## 5. Disclosure

You consent to your Personal Data being disclosed, on a confidential basis, to affiliates, subsidiaries, divisions and entities within the Caterpillar, Inc group ("Caterpillar") and its employees, our professional advisors (including auditors, legal advisors, tax consultants, insurance consultants and such other advisors), our business or joint venture partners, rating agencies, insurers or insurance brokers, third party service providers (including repossession or debt collection vendors or external data processors), courier companies, our corporate banks, Caterpillar dealers, whether such person is in Malaysia or elsewhere, where such disclosure is for purposes of processing, assessing or granting of the Financing, conducting credit and/or trade checks as well as CCRIS and DCHEQUE checks, the extension of credit or other services of Caterpillar to you, giving effect to any rights or obligations under a legal agreement entered into with you, or for analysing, improving, marketing or analyzing pipeline opportunities for Caterpillar products and services. You authorize us to obtain from credit bureaus, other credit reporting agencies any credit, financial, or other personal data related to you (including credit information organisations) as we may require for purposes of the Financing, and to contact you regarding the Financing and/or other Caterpillar products and services including via facsimile, e-mail, phone calls, text messages (over SMS or other instant messaging platform) or other media. You consent to us disclosing to credit bureaus or other reporting agencies such of your Personal Data or other relevant information (including corporate information of your business, financial, credit, contract performance, payment history or past due information) as we consider necessary in connection with the Financing. Please rest assured that consistent with the law, we will only disclose the minimum amount of information which we deem necessary for the purpose and that we will take all appropriate safeguards to ensure the integrity and security of the personal data.

## 6. Data Transfer & Sharing

In addition, you will appreciate that the nature of our products and services are such that it may be necessary, where we consider it appropriate, for the purposes of data storage or processing or providing any service or product on our behalf to you, to transfer your Personal Data to our affiliates and / or associated companies and/or third party service or product providers within or outside the country in which we are established through a variety of media including electronic database platforms, cloud computing and mobile devices, under conditions of confidentiality or similar levels of safeguards.

## 7. Impact resulting from failure to supply Personal Data

It is obligatory for you to provide all the categories of Personal Data requested. You acknowledge and agree that the Personal Data which you have provided or will provide to us is relevant and necessary for our grant of the Financing. You have the right at any time to withdraw your consent by giving us notice in writing. In the event that we do not receive your signed consent hereunder or if such consent is withdrawn as aforesaid, and we are of the opinion that the absence or withdrawal of consent impedes or affects in any way the grant of the Financing, we have the right to recall, terminate and/or cancel the Financing, without further notice to you and/or without any justification thereof. We shall not be held liable for any loss, damages, cost or expenses suffered by you (whether directly or indirectly) in the event of us recalling, terminating and/or cancelling the Financing as a result thereof. The withdrawal of your consent will also render us unable to send you information via email or telecommunication of any of the services offered by us and our affiliated business partners.

## 8. Your rights of access and correction

You have the right to request for access to your Personal Data stored with us, and for your Personal Data to be updated, amended or corrected if there are any changes, inaccuracies or error by contacting us at Caterpillar Financial Services Malaysia Sdn Bhd, of Second Floor, Tractors Engineering Complex, No.1, Jalan Puchong, Perindustrian Puchong Utama 47100 Puchong Selangor, telephone (03)8074 5600, fax (03)8060 1900 or email FPD.SMP.Compliance@cat.com. Please advise us of any change with regards to your Personal Data within 30 days.

Caterpillar may retain your Personal Data even after the full and final settlement of all monies outstanding under the Financing subject to deletion and/or destruction in accordance with our internal information retention policies and guidelines. A copy of this Data Privacy Notification can be found on our website at [https://www.catfinancial.com/en\\_MY/legal-notices/data-privacy.html](https://www.catfinancial.com/en_MY/legal-notices/data-privacy.html).

## 5. Pendedahan

Anda membenarkan Data Peribadi anda didedahkan, secara rahsia, kepada ahli gabungan, anak syarikat, bahagian dan entiti di dalam kumpulan Caterpillar, Inc ("Caterpillar") dan pekerjaannya, penasihat profesional kami (termasuk juruaudit, penasihat undang-undang, perunding cukai, perunding insurans dan mana-mana penasihat lain), rakan kongsi perniagaan atau usaha sama kami, agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans, penyedia perkhidmatan pihak ketiga (termasuk vendor pemilihan semula atau vendor pengutipan hutang atau), syarikat kurier, bank korporat kami, pengedar Caterpillar, sama ada orang tersebut di Malaysia atau di tempat lain, jika pendedahan tersebut adalah bagi tujuan memproses, menilai atau memberikan Pembiayaan, menjalankan pemeriksaan kredit dan/atau perdagangan dan juga CCRIS dan DCHEQUE cek, pelanjutan kredit atau perkhidmatan Caterpillar yang lain kepada anda, menguatkuasakan sebarang hak atau obligasi di bawah perjanjian undang-undang yang dimasiki dengan anda, atau untuk menganalisis, mempertingkatkan, memasarkan atau menilai peluang untuk produk dan perkhidmatan Caterpillar. Anda memberi kuasa kepada kami untuk mendapatkan daripada biro kredit, agensi pelaporan lain sebarang data kredit, kewangan atau data peribadi lain berkaitan dengan anda (termasuk organisasi maklumat kredit) yang mungkin diperlukan oleh kami bagi tujuan Pembiayaan dan menghubungi anda mengenai Pembiayaan dan / atau produk dan perkhidmatan Caterpillar lain termasuk melalui faksimile, e-mel, panggilan telefon dan mesej teks (SMS atau social media lain) atau media lain. Anda memberi kebenaran kepada kami untuk memberi maklumat seperti data persendirian dan maklumat lain (termasuk informasi korporat, kewangan, kredit, prestasi kontrak, sejarah bayar balik atau maklumat terdahulu) kepada biro kredit atau agensi pelaporan lain kerana kami berpendapat bahawa ia berkaitan dengan status kewangan. Yakinlah bahawa sejajar dengan undang-undang, kami hanya akan mendedahkan seberapa sedikit maklumat yang kami anggap perlu bagi tujuannya dan bahawa kami akan mengambil semua langkah perlindungan yang sesuai untuk memastikan keutuhan dan keselamatan data peribadi.

## 6. Pemindahan & Perkongsian Data

Tambahan, anda memahami bahawa produk dan perkhidmatan kami adalah sedemikian sifatnya sehingga bagi tujuan penyimpanan atau pemrosesan data atau untuk menyediakan sebarang perkhidmatan atau produk bagi pihak kami kepada anda, kami mungkin perlu, jika kami anggap sesuai, memindahkan Data Peribadi anda kepada ahli gabungan dan / atau syarikat berkaitan kami dan/atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara di mana kami ditubuhkan melalui pelbagai media termasuk platform pangkalan data elektronik, pengkomputeran awan dan peranti mudah alih, di bawah syarat-syarat kerahsiaan, dalam keadaan kerahsiaan atau pada tahap perlindungan yang serupa.

## 7. Kesan yang berbangkit daripada kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi

Anda wajib memberikan semua kategori Data Peribadi yang diminta. Anda mengakui dan bersetuju bahawa Data Peribadi yang telah atau akan anda berikan kepada kami adalah relevan dan perlu untuk kami memberikan Pembiayaan. Anda berhak pada bila-bila masa untuk menarik balik kebenaran anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika kami tidak menerima kebenaran anda yang ditandatangani di bawah ini atau jika kebenaran ditarik balik seperti yang disebut sebelum ini, dan kami berpendapat bahawa ketiadaan atau penarikan balik kebenaran akan menyekat atau menjejaskan pemberian Pembiayaan dalam apa jua cara, kami berhak menarik balik, menamatkan dan/atau membatalkan Pembiayaan, tanpa notis lanjut kepada anda dan/atau tanpa sebarang justifikasi. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dialami oleh anda (sama ada secara langsung atau tidak langsung) sekiranya kami menarik balik, menamatkan dan/atau membatalkan Pembiayaan akibat daripadanya. Penarikan balik kebenaran anda juga menyebabkan kami tidak dapat menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel atau telekomunikasi tentang sebarang perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami dan rakan kongsi perniagaan gabungan kami.

## 8. Hak anda untuk mendapatkan akses dan pembedaan

Anda berhak meminta akses kepada Data Peribadi anda yang disimpan dengan kami, dan supaya Data Peribadi anda dikemaskinikan, dipinda atau dibetulkan jika berlaku sebarang perubahan, ketidaktepatan atau kesilapan dengan menghubungi kami di Caterpillar Financial Services Malaysia Sdn Bhd, beralamat di Tingkat Dua, Tractors Engineering Complex, No.1, Jalan Puchong, Perindustrian Puchong Utama 47100 Puchong Selangor, telefon (03)8074 5600, faks (03)8060 1900. Sila maklumkan tentang sebarang perubahan pada Data Peribadi anda kepada kami dalam masa 30 hari.

Caterpillar mungkin menyimpan Data Peribadi anda selepas penyelesaian penuh dan muktamad semua wang yang belum dijelaskan di bawah Pembiayaan tertakluk kepada pamadaman dan/atau pemusnahan selaras dengan dasar dan garis panduan penyimpanan maklumat dalaman kami. Sesalinan Pemberitahuan Privasi Data ini boleh didapati di laman web kami di [https://www.catfinancial.com/en\\_MY/legal-notices/data-privacy.html](https://www.catfinancial.com/en_MY/legal-notices/data-privacy.html).